

KUPASAN MUTU JAWAPAN

**PENDIDIKAN ISLAM 1
1223/1**

SPM 2017

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

| | | |
|--------------------|---|------------------------------|
| Kod Mata Pelajaran | : | 1223/1 |
| Bentuk Ujian | : | Ujian Objektif dan Subjektif |
| Markah Penuh | : | 100 markah |
| Masa | : | 2 jam |

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 Pendidikan Islam SPM mengandungi dua bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A mengandungi 20 soalan objektif aneka pilihan dan 20 soalan isi tempat kosong. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Jumlah markah yang diperuntukkan ialah 40 markah.

Bahagian B mengandungi empat (4) soalan subjektif. Calon dikehendaki menjawab 3 soalan. Soalan 1 dan 2 wajib dijawab dan calon dikehendaki memilih satu soalan daripada Soalan 3 dan Soalan 4.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian B

Soalan 1 (a)(i)

1 (a) Nifak ialah berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hatinya kufur kepada Allah SWT.

(i) Nyatakan dua ciri munafik.

Soalan ini berkehendak kepada calon untuk menjawab ciri-ciri orang munafik.

Contoh Jawapan Cemerlang

i (a) 1 Dua ciri munafik ialah:

- menungkir janji
- mengkhianati amanah.
- apabila bercakap, dia berbohong.
- apabila bergaduh, dia melampaui batas.

Calon berjaya mengemukakan dua ciri munafik dengan tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

| | | |
|---|-----|---------------------------|
| a | (i) | Dua ciri munafik: |
| | | - Tidak suka berbaik-baik |
| | | - suka menipu |

Calon mengemukakan dua jawapan ciri munafik. Satu ciri jelas dan tepat dan satu ciri lagi tidak jelas iaitu tidak suka berbaik-baik.

Soalan 1 (a)(ii)

(ii) Jelaskan faktor berlakunya perbuatan tersebut.

Calon dikehendaki menjelaskan faktor-faktor berlakunya perbuatan munafik.

Contoh Jawapan Cemerlang

- i. Faktor berlaku perbuatan tersebut ialah
- i. kurang didikan agama
- ii. terpengaruh dengan keadaan ~~ke~~ sekeliling.
- iii. Tidak mempunyai asas akidah yang kukuh.

Jawapan ini menunjukkan calon dapat menjelaskan faktor berlaku munafik berdasarkan pengetahuan yang sedia ada dengan baik.

Contoh Jawapan Sederhana

- i. Faktor berlaku ialah
- Kekurangan didikan agama

Calon mengemukakan penyelesaian **tidak lengkap** kerana jawapan **terlalu ringkas** untuk menjawab kata tugas jelaskan.

Soalan 1 (a)(iii)

(iii) Terangkan dua akibat perbuatan tersebut terhadap masyarakat.

Calon dikehendaki menerangkan akibat perbuatan munafik terhadap masyarakat.

Contoh Jawapan Cemerlang

iii. Dua akibat perbuatan tersebut terhadap masyarakat ialah

- i. Masyarakat akan berpecah belah kerana ^{saling} tidak menepati janji yang dibuat.
- ii. Masyarakat ~~tidak~~ akan mudah kerana tidak hidup secara bekerjasama.
- iii. Masyarakat akan hidup secara individualisme kerana kerap bergaduh.
- iv. Ekonomi masyarakat terjejas kerana sering berbalah.

Calon dapat **menjelaskan** dengan baik akibat perbuatan munafik terhadap kehidupan seharian masyarakat.

Contoh Jawapan Sederhana

iii) Dua akibat perbuatan tersebut kepada masyarakat:

- Dipandang serang oleh masyarakat
- Hubungan masyarakat terputus.

Calon mengemukakan **penyelesaian tidak lengkap** kerana mengemukakan **dua isi** tetapi tanpa huraian sedangkan kata tugas "terangkan" memerlukan isi dan huraian.

Soalan 1 (b)(i)

- (b) Mencuri ialah mengambil hak orang lain secara sembunyi yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin.
- (i) Nyatakan hukuman yang telah ditetapkan di dalam al-Quran terhadap perbuatan tersebut.

Calon dikehendaki mengemukakan **hukuman mencuri** yang ditetapkan di dalam al-quran terhadap perbuatan tersebut.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | |
|-------|--|
| b) i) | Hukuman yang telah ditetapkan di dalam al-Quran terhadap perbuatan tersebut ialah potong tangan. |
|-------|--|

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan ringkas dan menepati kehendak soalan.

Contoh Jawapan Sederhana / lemah

| | |
|-------|--|
| b) i) | Hukuman yang dikenakan telah ditetapkan di dalam al-Quran terhadap perbuatan tersebut ialah 40 kali sebatan. |
|-------|--|

Jawapan calon tidak tepat kerana calon **keliru antara hukuman** terhadap **pencuri** dengan hukuman terhadap **peminum arak**.

Soalan 1 (b)(ii)

(ii) Terangkan dua kepentingan penetapan hukuman tersebut.

Calon dikehendaki menerangkan kepentingan penetapan hukuman mencuri.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | |
|------|--|
| (ii) | Dua kepentingan hukuman tersebut ialah: |
| | - Membeni kesedaran dan amaran agar orang ramai tidak terkejut dengan perilaku tersebut. |
| | - Mengurangkan kadar jenayah mencuri kerana orang ramai mengetahui hukuman tegas yang bakal diambil. |

Calon berjaya mengemukakan **kepentingan hukuman mencuri** dalam kehidupan seharian beserta huraian yang berkaitan antara satu sama lain.

Contoh Jawapan Sederhana

| | |
|-----|--|
| ii- | Dua kepentingan penetapan hukuman tersebut ialah |
| | membeni pengajaran |
| | - Supaya tidak melakukan perkara itu lagi |
| | - Membeni pengajaran supaya Allah tidak melaknat semasa di Akhirat |

Calon **tidak mengemukakan huraian** bagi satu isi jawapan yang pertama.

Soalan 1 (c)(i)

(c) (i) Nyatakan **tiga** ciri ajaran sesat.

Calon dikehendaki menyatakan ciri-ciri ajaran sesat.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | | |
|-----|-----|---|
| (c) | (i) | Tiga ciri ajaran sesat: |
| | | ① Mendewa-dewakan pemimpin |
| | | ② Mengubah bentuk bentuk ibadah seperti solat 9 rakaat 7 rakaat |
| | | ③ Mengubah konsep pahala dan dosa seperti kuasa pengampunan dosa. |

Calon berjaya mengemukakan ciri-ciri ajaran sesat dengan tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

| | | |
|-----|-----|----------------------------------|
| (c) | (i) | Tiga ciri ajaran sesat ialah: |
| | | i- menyembah berhala. |
| | | ii- solat dengan berniat sahaja. |
| | | iii- memaki anak. |

Jawapan calon tidak tepat kerana **calon keliru** antara ciri **ajaran sesat** dengan perbuatan **syirik jali**.

Soalan 1 (c)(ii)

(ii) Terangkan dua langkah yang boleh diambil untuk menangani ajaran sesat.

Calon dikehendaki menerangkan langkah untuk menangani ajaran sesat.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | |
|------|---|
| (ii) | Dua langkah menangani ajaran sesat. |
| | ① Melengkapkan diri dengan kefahaman agama seperti me-mendampingi mendampingi alim ulama'. |
| | ② Menghindarkan diri daripada dengan golongan yang mengamalkan ajaran sesat supaya tidak terpengaruh dengan golongan ini. |
| | ③ Penguatkuasaan undang-undang te dengan menjatuhkan hukuman berat kepada penganut ajaran sesat. |

Jawapan di atas menunjukkan **pemikiran calon yang matang** berkaitan **cara menangani ajaran sesat** dengan mengemukakan huraian yang jelas untuk menyokong jawapan.

Contoh Jawapan Sederhana

| | |
|------|--|
| (ii) | Dua langkah yang boleh diambil untuk menangani ajaran sesat: |
| | - memperbanyakkan majlis ilmu mengenai agama islam. |
| | - Memusnahkan golongan yang mengamalkan ajaran sesat. |

Calon **tidak dapat memberi huraian** bagi isi yang dikemukakan.

Soalan 2 (a)(i)

(a) (i) Apakah maksud upah haji?

Calon dikehendaki menyatakan maksud upah haji.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | |
|--------|---|
| a) (i) | Maksud upah haji ialah mengerjakan haji bagi pihak |
| | orang lain yang tiada keupayaan fizikal seperti sakit tiada |
| | harapan sembuh dan orang tua yang hilang upaya. |

Calon ini menunjukkan calon sangat menguasai tajuk berkaitan badal haji dengan **menulis contoh** bagi menguatkan maksud badal haji.

Contoh Jawapan Sederhana

2. a i Maksud upah haji ialah
melakukan ibadah haji bagi pihak
orang lain

Calon mampu mengemukakan jawapan maksud upah haji secara ringkas. Jawapan tidak mencakupi maksud badal haji yang sebenar.

Soalan 2 (a)(ii)

(ii) Nyatakan dua sebab yang mengharuskan upah haji.

Calon dikehendaki menyatakan sebab diharuskan upah haji.

Contoh Jawapan Cemerlang

(ii) Antara dua sebab yang mengharuskan upah haji ialah:-

- telah meninggalkan ~~duni~~ dunia tetapi ketirkamarnya hidup, dia telah memenuhi syarat wajib haji.
- tidak mempunyai kemampuan fizikal seperti sakit yang tidak harapan sembuh, telah tua atau tua.

Berdasarkan jawapan di atas, calon berjaya menghuraikan jawapan dengan baik iaitu mengemukakan **contoh** untuk **menyokong isi jawapan yang diberi**.

Contoh Jawapan Sederhana

(ii) Dua sebab yang mengharuskan upah haji ialah:

- i- sakit yang ~~tidak~~ tidak boleh sembuh.
- ii- tidak dapat pergi atas sebab tertentu.

Calon mengemukakan sebahagian jawapan yang tepat, manakala **jawapan kedua lebih bersifat umum**.

Soalan 2 (a)(iii)

- (iii) Antara rukun syarikat ialah ahli syarikat.
Nyatakan dua syarat sah ahli syarikat.**

Calon dikehendaki menyatakan syarat sah ahli syarikat.

Contoh Jawapan Cemerlang

iii) Dua syarat sah ahli syarikat ialah:

- 1) baligh
- 2) berakal
- 3) merdeka

Calon berjaya memberikan jawapan dengan tepat mengikut kehendak soalan.

Contoh Jawapan Sederhana

iii. Nyatakan dua syarat sah ahli syarikat:

Antara dua syarat sah ahli syarikat ialah:

- Islam
- Berakal

Calon berjaya mengemukakan sebahagian jawapan yang tepat, tetapi jawapan pertama lebih tepat kepada syarat sah bagi penjual dan pembeli.

Soalan 2 (a)(iv)

- (iv) Koperasi sekolah antara contoh perkongsian dalam syarikat. Apakah cadangan anda untuk memajukan koperasi sekolah.

Calon dikehendaki mengemukakan cadangan untuk memajukan koperasi sekolah.

Contoh Jawapan Cemerlang

(iv) Antara cadangan saya untuk memajukan koperasi sekolah adalah dengan menambahbaik ^{peralatan} ^{kegunaan} kemudahan bagi pelajar seperti mesin fotostat dan pembinaan kaunter bayaran yang sistematik agar ia dapat memudahkan para pelajar dan mewujudkan sistem koperasi yang efisien.

Berdasarkan jawapan di atas, calon berjaya mengemukakan jawapan bersesuaian dengan **situasi sebagai seorang pelajar** di sekolah.

Contoh Jawapan Sederhana

- iv) cadangan untuk memajukan koperasi sekolah:
- melakukan aktiviti saham.
 - melaksana penjualan.

Calon mengemukakan penyelesaian jawapan yang **tidak lengkap** dan **kurang jelas** (isi pertama). Manakala jawapan kedua terlalu umum.

Soalan 2 (b)(i)

Maksud hadis Rasulullah SAW:

Perempuan itu dikahwini kerana empat perkara iaitu hartanya, keturunannya, kecantikannya dan kerana agamanya. Oleh itu, pilihlah yang beragama, bahagialah engkau.

(b) (i) Berdasarkan hadis di atas, jelaskan maksud “beragama” bagi seorang isteri.

Calon dikehendaki menjelaskan maksud beragama bagi seorang isteri.

Contoh Jawapan Cemerlang

b) i) Maksud beragama bagi seorang isteri ialah

- Mempunyai asas agama yang Islam yang kuat agar dapat menjadi isteri yang taat pada suaminya dan perintah Allah.
- Mempunyai kefahaman Islam yang sebenar supaya dapat memikul hak - hak yang ditetapkan dalam Islam.
- Isteri yang taat pada perintah Allah dan meninggalkan larangannya.

Jawapan di atas menunjukkan calon sangat **memahami keperluan agama** bagi seorang isteri.

Contoh Jawapan Sederhana

2 b i Maksud beragama ialah

- ahli kitab
- dan mempercayai tuhan yang menciptakan

nya

Jawapan pertama di atas **tidak diterima** kerana ahli kitab ialah syarat sah bagi suami atau isteri. Manakala jawapan kedua adalah **menepati maksud beragama**.

Soalan 2 (b)(ii)

(ii) Jelaskan dua alasan keutamaan memilih calon isteri yang beragama.

Calon dikehendaki menjelaskan alasan keutamaan memilih calon isteri yang beragama.

Contoh Jawapan Cemerlang

ii. Dua alasan keutamaan memilih calon isteri yang beragama ialah:

- Isten tahu cikan tanggungjawabnya dalam rumah tangga yang mengikut syariat supaya perkahwinan terpelihara.
- Rumah tangga yang berteraskan agama ~~mereka~~ akan mendapat rahmat Allah supaya perkahwinan aman.
- supaya isten tidak berlaku nusyuz terhadap suami kerana perbuatan itu boleh menjejaskan ikatan perkahwinan.

Jawapan di atas menunjukkan calon mengemukakan jawapan dengan baik dengan **menghuraikan alasan keutamaan** dalam memilih calon isteri yang beragama dalam kehidupan berumah tangga.

Contoh Jawapan Sederhana

ii. Dua alasan keutamaan memilih calon isteri yang beragama ialah..

- memudahkan fahaman agama antara suami isteri
- ~~memudah~~ membantu meluaskan ilmu dalam bidang agama kepada suami dan isteri.

Calon mengemukakan isi yang tidak mencukupi kerana kedua-dua jawapan calon membawa **maksud yang sama**. Ini menyebabkan **calon kehilangan satu isi**.

Soalan 2 (c)(i)

(c) (i) Nyatakan maksud idah.

Calon dikehendaki menyatakan maksud idah.

Contoh Jawapan Cemerlang

(i) i) Maksud idah ialah tempoh larangan bertahwin yang wajib dipatuhi oleh isteri setelah ~~selepas~~ berpisah dengan suami.

Calon dapat menjelaskan maksud idah dengan lengkap merangkumi dua aspek penting iaitu tempoh larangan dan selepas berpisah.

Contoh Jawapan Sederhana

Seorang wanita yang masih di dalam tempoh selepas dicerai oleh suami atau suami meninggal dunia.

Jawapan calon yang tidak lengkap dengan hanya menyatakan tempoh selepas dicerai sahaja.

Soalan 2 (c)(ii)

Puan Z merupakan seorang isteri yang kematian suami. Dia sedang mengandung anak keempat dan usia kandungannya tiga bulan. Bekerja sebagai seorang guru tadika dan menyewa rumah berhampiran dengan tadika tempat dia bekerja.

- (ii) Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan dua perkara berkaitan idah yang beliau perlu patuhi.

Calon dikehendaki menjelaskan perkara yang perlu dipatuhi oleh isteri dalam tempoh idah.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | | | |
|---|---|-----|--|
| 2 | c | ii) | Dua perkara berkaitan idah yang beliau perlu patuhi ialah |
| | | | i) Tempoh idahnya ialah sehingga lahir melahirkan anak oleh itu beliau tidak boleh berkahwin sepanjang beliau hamil |
| | | | ii) Tidak berhias diri ketika keluar dari rumah agar menunjukkan simbol perkabungan terhadap kematian suami |

Calon dapat menghuraikan dengan tepat perkara yang perlu dipatuhi oleh isteri dalam tempoh idah kematian suami iaitu haram berkahwin dan berhias diri.

Contoh Jawapan Sederhana

| | |
|----|--|
| ii | Dua perkara yang berkaitan idah yang perlu dipatuhi ialah |
| | - menunggu sehingga melahirkan anak yang sedang dikandungkan itu |
| | - menunggu sehingga 4 bulan 10 hari |

Calon keliru dengan stimulus antara perkara yang dilarang semasa dalam idah dan tempoh idah bagi isteri yang kematian suami.

Soalan 3 (a) i

- 3 (a)** Khulafa al-Rasyidin telah menubuhkan beberapa jabatan bagi tujuan pengurusan yang lebih teratur yang dikenali sebagai 'al-Diwan'.
- (i)** Nyatakan dua al-Diwan tersebut.

Calon dikehendaki menyatakan jabatan bagi tujuan pengurusan yang lebih teratur pada zaman khulafa al-Rasyidin.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | | |
|-----|-----|-------------------|
| (a) | (i) | Dua al-Diwan : |
| | | ① Diwan al-Jundi |
| | | ② Diwan al-Kharaj |

Calon dapat menyatakan jawapan dengan **tepat** iaitu **dua jenis Diwan** yang berkaitan dengan **pentadbiran di zaman khulafa al-Rasyidin**.

Contoh Jawapan Sederhana

| | | | |
|---|-----|-----|-------------------------------|
| 3 | (a) | (i) | Dua al-Diwan tersebut ialah : |
| | | | i- Al-Kharaj |
| | | | ii- Al-Ghanimah. |

Jawapan di atas menunjukkan **calon keliru** antara diwan (jabatan) dan sumber ekonomi (al-Ghanimah).

Soalan 3 (a)(ii)

- (ii) **Jelaskan dua polisi Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq ketika menjadi khalifah.**

Calon dikehendaki menjelaskan polisi Saidina Abu Bakar as-Siddiq.

Contoh Jawapan Cemerlang

ii) Dua polisi Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq :

(1) memerangi golongan murtad, golongan nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat.

(2) melantik khalifah selepasnya untuk mengekalkan ~~perpaduan~~ perpaduan umat Islam.

Contoh jawapan yang baik ini menunjukkan calon dapat **membezakan** diantara polisi dan sumbangan semasa pemerintahan Khalifah pertama dalam pentadbiran Khulafa al-Rasyidin.

Contoh Jawapan Sederhana

Antara dua polisi Saidina Abu Bakar al-Siddiq :

- memerangi golongan ~~murtad~~ murtad.
- Menggubal undang-undang pentadbiran berteraskan dengan al-Quran dan as-Sunnah agar ekonomi negara dapat ditingkatkan.

Calon hanya mampu mengemukakan satu jawapan yang tepat berkaitan polisi Saidina Abu Bakar as-Siddiq ketika menjadi khalifah. Manakala satu jawapan lagi tidak berkaitan kerana merujuk kepada dasar pentadbiran khulafa al-Rasyidin.

Soalan 3 (b)(i)

(b) Sheikh Tahir Jalaluddin merupakan seorang daripada tokoh pemikir tanah air.

(i) Nyatakan dua mesej islah yang ingin beliau sampaikan kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Calon dikehendaki menyatakan mesej islah Syeikh Tahir Jalaluddin.

Contoh Jawapan Cemerlang

b i. Dua mesej islah yang disampaikan kepada masyarakat Islam di Malaysia ialah

- i. ~~membenci~~ membenci penjajah
- ii. mengukuhkan fahaman masyarakat Islam tentang ajaran Islam yang sebenar.
- iii. menyeru umat Islam di Malaysia untuk menuntut ilmu
- iv. menimbulkan kesedaran untuk membebaskan tanah air.

Calon berjaya menyatakan mesej dan idea islah yang dibawa Syeikh Tahir Jalaluddin selepas kepulangannya dari Mesir untuk mencetus reformasi minda mesyarakat Melayu Islam di Malaysia.

Contoh Jawapan Sederhana

b i. Dua mesej islah yang ingin beliau sampaikan ialah

- memperjuangkan kemerdekaan
- menolak ajaran sesat.

Calon ini keliru antara mesej Islah Syeikh Tahir Jalaluddin dengan HAMKA.

Soalan 3 (b)(ii)

(ii) Jelaskan dua polisi Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq ketika menjadi khalifah.

Calon dikehendaki menjelaskan sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin dalam bidang ilmu dan pemikiran.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | |
|-----|---|
| ii) | Sumbangan beliau dalam bidang ilmu dan pemikiran: |
| | ① memperkenalkan metode menyampaikan idea islam melalui ehkar, jawatan yang disandang dan proses pengajaran |
| | ② menghasilkan majalah at-Imam al-Imam untuk pencetus semangat menentang penjajah dan menegakkan Islam. |
| | ③ memperkenalkan pembelajaran dan pengajaran melalui sistem madrasah dan melahirkan tokoh untuk generasi seterusnya |

Calon berjaya memahami kehendak soalan dan **bijak mengupas** isi jawapan dengan tepat **berkaitan bidang ilmu dan pemikiran** iaitu penghasilan majalah, proses pengajaran dan jawatan yang disandang.

Contoh Jawapan Sederhana

| | |
|-----|---|
| ii) | Dua sumbangan beliau ^{dalam bidang ilmu dan} ^{talah} ^{pemikiran} |
| | - falsafah |
| | - sastra |
| | - agama |

Calon mengemukakan hanya satu jawapan yang tepat iaitu sastra. Manakala dua jawapan lain berkaitan dengan sumbangan HAMKA dan bukannya sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin.

Soalan 3 (c)(i)

Kemudahan awam disediakan bertujuan untuk memberi keselesaan kepada rakyat dalam urusan kehidupan seharian.

(c) (i) Nyatakan **dua** contoh kemudahan awam.

Calon dikehendaki menyatakan dua contoh kemudahan awam.

Contoh Jawapan Cemerlang

(c) i) Dua contoh kemudahan awam :
① telefon awam
② pengangkutan seperti bas dan teksi

Calon menyatakan isi jawapan dengan tepat iaitu mengemukakan **contoh infrastruktur** yang boleh diguna oleh orang ramai di mana-mana sahaja.

Contoh Jawapan Sederhana

c i) Dua contoh kemudahan awam ialah
- telefon awam
- bas awam
- teksi

Calon mengemukakan dua jawapan namun yang hanya diterima satu sahaja kerana jawapan adalah dalam **kategori yang sama**.

Soalan 3 (c)(ii)

(ii) Terangkan dua kepentingan kemudahan awam kepada individu.

Calon dikehendaki menerangkan kepentingan awam kepada individu.

Contoh Jawapan Cemerlang

- ii) Dua kepentingan kemudahan awam kepada individu: (4m)
- ① memudahkan urusan harian seseorang dengan menyediakan kemudahan pengangkutan untuk pergi bekerja.
 - ② Dapat membantu ketika seseorang berada dalam kesesakan seperti telefon awam boleh digunakan jika tiada kredit dalam telefon bimbit untuk membuat panggilan data.
 - ③ menjimatkan kos sara hidup bagi pelajar-pelajar dengan menggunakan pengangkutan awam untuk ke ~~unff~~ universiti atau kolej.

Fakta yang diberikan oleh calon **sangat menepati kepentingan kemudahan awam** dalam kehidupan seharian **individu**.

Contoh Jawapan Sederhana

- ii) Dua kepentingan kemudahan awam kepada individu ialah
- Dapat memudahkan orang ramai dengan menggunakan kemudahan awam seperti bas awam.
 - Dapat meluangkan masa bersama keluarga supaya kasih sayang kekal terjalin.

Calon mengemukakan **satu jawapan** yang tepat merujuk **kepentingan kemudahan awam kepada individu**. Manakala satu jawapan lagi **tidak diterima** kerana merujuk kepada **kepentingan terhadap masyarakat**.

Soalan 3 (c)(iii)

(iii) Huraikan mana-mana **satu** kesan menyalahgunakan kemudahan awam sama ada (a) atau (b).

(a) aspek ekonomi

(b) aspek sosial

Calon dikehendaki menghuraikan kesan penyalahgunaan kemudahan awam dari aspek ekonomi atau sosial.

Contoh Jawapan Cemerlang

(b)
(iii) Kesan penyalahgunaan kemudahan awam dari aspek sosial ialah melahirkan masyarakat yang tidak bertanggungjawab seperti vandalisme. Hal ini kerana mereka menjadikan kemudahan awam seperti hak mereka sendiri dan sesuka hati merosakkan kemudahan awam tersebut. Sebagai contoh, vandalisme ⁱⁿⁱ mencanteng dan mencabut telefon awam ^{menyebabkan ianya} sehingga rosak dan tidak berfungsi lagi. Kesannya, perbuatan ini akan menyusahkan masyarakat untuk mengemukakannya jika memerlukan. Perkara ini juga melahirkan masyarakat yang tidak beretika. Oleh itu, kita hendaklah menghargai ~~dan~~ prasarana-prasarana yang telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk kepentingan bersama.

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan cemerlang iaitu berjaya menghuraikan isi jawapan yang **mempunyai kesinambungan** antara satu sama lain dan bijak mengaitkannya dengan corak kehidupan bermasyarakat.

Contoh Jawapan Sederhana

| | |
|------|--|
| iii. | Satu kesan menyalaiahgunakan kemudahan awam dalam aspek sosial |
| | - Masyarakat tidak dapat menggunakan telefon awam sekiranya berlaku apa-apa masalah. |
| | - Aktiviti-aktiviti di tempat rekreasi tidak dapat dijalankan dengan baik kerana alat-alat sukan yang rosak. |

Jawapan calon tidak lengkap dari aspek social kerana **mengemukakan dua isi berbeza** sedangkan **jawapan** memerlukan satu isi, huraian ringkas, huraian lengkap dan kesimpulan.

~~Antara~~ Kesan menyalaiahgunakan kemudahan awam melalui aspek ekonomi ialah ~~perbelanjaan~~ ^{pendapatan} hasil ~~perbelanjaan~~ negara akan menjadi kurang kerana ekonomi negara harus membelanjakan wang untuk memperbaiki kemudahan awam yang telah rosak akibat sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab dalam menjaga kemudahan awam serta ekonomi negara akan menjadi mundur dan kurang pesat.

Jawapan calon **merangkumi aspek ekonomi dan satu huraian sahaja.**

Soalan 4 (a)(i)

4 (a) Kerajaan bani Abbasiyah mengalami zaman kemerosotan yang membawa kepada kejatuhan pada zaman al-Wasiq Billah bin al-Muktasim.

(i) Nyatakan dua faktor kejatuhan tersebut.

Calon dikehendaki menyatakan faktor kejatuhan kerajaan bani Abbasiyah.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | | | |
|---|-----|----|--|
| 4 | (a) | i) | Antara dua faktor kejatuhan tersebut ialah:- |
| | | | - serangan musuh dari luar |
| | | | - kemerosotan ekonomi |
| | | | - sikap khalifah yang tidak memerintah mengikut ajaran Islam |
| | | | - sikap khalifah yang pilih kasih |
| | | | - penyalahgunaan kuasa |
| | | | - pedagang yang tidak datang untuk berdagang. |

Calon dapat menyenaraikan faktor kejatuhan dengan tepat.

Contoh Jawapan Sederhana

| | | | |
|----|-----|----|--|
| 4) | (a) | i) | Dua faktor kejatuhan tersebut: |
| | | | - Pemimpin tidak memerintah dengan adil. |
| | | | - Dijajah oleh negara Rom. |

Calon dapat mengemukakan satu jawapan tepat sementara satu jawapan lagi tidak tepat iaitu negara Rom sedangkan jawapan yang sebenar antaranya diserang dari arah Timur (Kerajaan Mongul).

Soalan 4 (a)(ii)

- (ii) Terangkan dua iktibar daripada sejarah kemerosotan kerajaan bani Abbasiyah.

Calon dikehendaki menerangkan iktibar daripada sejarah kemerosotan kerajaan bani Abbasiyah

Contoh Jawapan Cemerlang

ii) Antara dua iktibar daripada sejarah kemerosotan kerajaan bani Abbasiyah ialah:-

- Kita hendaklah mempunyai semangat jihad yang tinggi dalam diri agar dapat menentang musuh dari negara luar
- Kita hendaklah menguasai pelbagai bidang ilmu agar dapat memajukan negara sekiranya dapat menghadapi berbagai bentuk dugaan dan cabaran demi kemartabatan negara.
- Kita hendaklah menjadi pemerintah yang beribadah yang memerintah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah agar dapat menjamin ketenteraman dan keamanan negara

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan cemerlang iaitu menyatakan **isi dan huraian yang tepat** menunjukkan kematangan calon dalam mengemukakan jawapan iktibar dengan **menulis kita hendaklah**.

Contoh Jawapan Sederhana

ii) Dua iktibar daripada sejarah kemerosotan kerajaan bani Abbasiyah:

- Pemimpin haruslah sentiasa berusaha melicinkan pentadbiran agar tidak di rampas oleh orang lain.
- Masyarakat sentiasa bersatu dan sentiasa beribad.

Satu jawapan calon menepati kata tugas terangkan yang **memerlukan isi dan huraian**. Sedangkan jawapan yang kedua calon hanya mengemukakan isi sahaja.

Soalan 4 (b)(i)

(b) (i) Tulis secara ringkas riwayat hidup Imam Abu Hanifah rahimahullah.

Calon dikehendaki menyatakan riwayat hidup Imam Abu Hanifah secara ringkas.

Contoh Jawapan Cemerlang

(b) i. Riwayat hidup Imam Abu Hanifah ^rRahimullah secara ringkas ialah nama sebenar beliau ialah Nukman bin Thabit. Beliau berketurunan Parsi. Beliau lahir pada tahun 80 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 150 Hijrah. Beliau lahir di Kufah Iraq.

Calon dapat mengemukakan **fakta dengan tepat** seperti nama sebenar, keturunan, tempat lahir dan tarikh lahir dalam tahun Hijrah.

Contoh Jawapan Sederhana

b) i) Riwayat hidup Imam Abu Hanifah ~~ialah~~ rahimahullah ialah:
1) Nama beliau ialah Nukmah bin Thabit

Calon hanya mengemukakan satu fakta yang tepat. **Sebaiknya calon mengemukakan lebih banyak fakta tentang riwayat hidup Imam Abu Hanifah.**

Soalan 4 (b)(ii)

(ii) Jelaskan sumbangan beliau terhadap tamadun Islam.

Calon dikehendaki menjelaskan sumbangan Imam Abu Hanifah terhadap tamadun Islam.

Contoh Jawapan Cemerlang

ii) Sumbangan beliau terhadap tamadun Islam ialah

- pengasas mazhab Hanafi
- ~~menyusun~~ kanya kitab al-fataid.

Calon dapat menyatakan jawapan dengan **ringkas dan tepat**.

Contoh Jawapan Sederhana

iii) sumbangan beliau ialah:

- Membuat karya ~~Al-Sunat~~ ~~Al-Muwatta~~.
- menyusun Hadis.

Calon mengemukakan **jawapan yang tidak jelas** iaitu **tidak menamakan karya**. Manakala menyusun hadis bukanlah sumbangan tetapi lebih merujuk kepada perawi hadis.

Soalan 4 (c)(i)

(c) (i) Nyatakan maksud negara.

Calon dikehendaki menyatakan maksud negara.

Contoh Jawapan Cemerlang

| | | | |
|---|-----|-----|---|
| 4 | (c) | (i) | Maksud negara ialah sebuah kawasan yang diduduki oleh penduduk dan diperintah oleh seorang pemimpin negara. |
|---|-----|-----|---|

Berdasarkan jawapan contoh, calon dapat **mengemukakan tiga unsur utama** iaitu kawasan, masyarakat dan pemerintah.

Contoh Jawapan Sederhana

| | | |
|---|---|---|
| c | i | maksud negara ialah |
| | | Tempat di mana terdapat sejumlah manusia yang ramai |

Jawapan calon **tidak mencukupi tiga frasa penting** iaitu kawasan, rakyat dan pemerintah.

Soalan 4 (c)(ii)

(ii) Terangkan dua tanggungjawab adab bernegara.

Calon dikehendaki menerangkan tanggungjawab adab bernegara.

Contoh Jawapan Cemerlang

ii) Dua tanggungjawab adab bernegara ialah

- Tidak melakukan perkara yang boleh mengugut keselamatan negara seperti menyentuh sensitif isu sensitif agama lain agar negara kekal aman.
- sanggup dan sanggup berkorban mempertahankan negara apabila ancaman oleh kuasa asing agar kedaulatan negara dapat dipelihara.

Calon dapat mengemukakan isi jawapan dan menghuraikannya dengan cemerlang kerana berjaya mengaitkan jawapan dengan isu semasa.

Contoh Jawapan Sederhana

c | ii | Dua tanggungjawab adab bernegara ialah

- Melahirkan insan yang menghormati agama dan bangsa lain
- Menjadikan manusia yang mempunyai sifat patriotik dalam diri

Jawapan calon lebih menjurus kepada kesan beradab terhadap negara. Walau bagaimanapun sifat patriotik adalah merupakan tanggungjawab terhadap negara.

Soalan 4 (c)(iii)



- (iii) Gambar di atas berkaitan dengan penghayatan kecintaan terhadap negara. Huraikan cara lain yang menunjukkan anda cinta kepada negara.

Calon dikehendaki menghuraikan cara menunjukkan rasa cinta kepada negara.

Contoh Jawapan Cemerlang

iii) Cara lain yang menunjukkan saya cinta kepada negara ialah berdiri tegak semasa lagu Negaraku dimainkan dan sentiasa mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan. Hal ini menjadikan saya seorang rakyat yang patriotik dan cinta akan negara kerana bangga dengan identiti negara Malaysia sehingga saya sanggup berkorban untuk mempertahankan negara daripada ancaman kuasa luar agar kedaulatan negara kekal terpelihara. Oleh itu, generasi muda hari ini ~~perlu~~ hendaklah melibatkan diri ~~ate~~ dalam aktiviti kenegaraan seperti PLKN bagi menanam semangat patriotik dalam diri.

Calon dapat menjawab dengan cemerlang kerana memenuhi diskriptor KBAT dengan olahan yang menarik.

Contoh Jawapan Sederhana

| | |
|------|---------------------------------------|
| iii) | Cara lain yang menunjukkan saya cinta |
| | akan kepada negara ialah : |
| | 1) Belajar bersungguh-sungguh untuk |
| | meningkatkan ekonomi negara. |
| | 2) Mematuhi undang-undang yang telah |
| | ditetapkan agar dapat menjaga imej |
| | negara. |

Calon mengemukakan penyelesaian jawapan yang **tidak menepati kehendak soalan**. Calon hanya mengemukakan dua isi dan dua huraian sepatutnya calon mengemukakan satu isi berserta huraian, huraian lengkap dan kesimpulan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon hendaklah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam semua tajuk pelajaran Tingkatan 4 dan 5.
2. Belajar untuk mendapat ilmu, bukan sekadar ingin lulus dalam peperiksaan sahaja kerana penguasaan ilmu dapat membantu pelajar menjawab soalan KBAT.
3. Wajib membaca dan memahami kehendak dan arahan soalan di muka hadapan kertas soalan.
4. Berusaha memahami dan menghafaz maksud istilah dalam pelajaran terutamanya bahagian akidah dan ibadah.
5. Berusaha memahami cara menjawab soalan KBAT iaitu isi, huraian ringkas, huraian lengkap dan kesimpulan.
6. Memahami cara menjawab soalan yang menggunakan kata tugas "Jelaskan" dan "Terangkan".
7. Menyediakan nota dengan lengkap dan menarik seperti peta i-think.
8. Memahami maksud ayat al Quran dan hadis yang menjadi dalil bagi tajuk yang dipelajari.
9. Semasa menghadapi peperiksaan:
 - i. Membaca keseluruhan soalan dengan teliti sebelum membuat pilihan;
 - ii. Memahami kehendak dan arahan setiap soalan dengan menggariskan perkataan yang penting;
 - iii. Calon mesti menjawab soalan yang wajib (soalan 1 dan soalan 2) dan tidak perlu menjawab semua soalan pilihan (soalan 3 dan soalan 4);
 - iv. Memulakan dengan menjawab soalan utama pada helaian / muka surat yang baru; dan
 - v. Calon hendaklah memulakan dengan pengenalan ayat kehendak soalan.
Contohnya:
Nyatakan dua ciri munafik.
Contoh cara menjawab :
Dua ciri munafik ialah...
 - vi. Pelajar perlu menghuraikan isi yang diberi bagi soalan yang menggunakan kata kerja "Terangkan".
Contoh jawapan :
Dua akibat perbuatan munafik terhadap masyarakat ialah :
- Timbul pergaduhan dikalangan masyarakat (isi) **kerana** (kata hubung) sikap pentingkan diri sendiri (huraian)
 - vii. Beri perhatian yang lebih kepada soalan membanding dan membeza serta soalan berganda seperti menyatakan maksud dan berikan contoh.
 - viii. Persembahkan jawapan dengan memberi fakta dalam bentuk ayat yang lengkap dan jelas.
 - ix. Elakkan menjawab terlalu ringkas bagi soalan kata tugas *jelaskan* sehingga menyebabkan tidak sampai maksud yang dikehendaki.
Contoh:
Jelaskan sumbangan Sheikh Tahir Jalaluddin dalam bidang ilmu dan pemikiran.

Contoh jawapan calon:
- karya

Jawapan sebenar:
- menghasilkan karya seperti Majalah al-Imam.

SARANAN KEPADA GURU

1. Memahami Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 4 dan 5.
2. Menggunakan buku teks sepenuhnya dengan mengambil kira semua info dan maklumat yang terkandung di dalamnya di samping bahan-bahan rujukan lain yang sesuai.
3. Dalam PdP guru perlu memberi penekanan kepada:
 - i. Menggunakan pendekatan PAK 21 dalam pengajaran dan pembelajaran.
 - ii. Perbanyakkan aktiviti kolaboratif dalam kalangan pelajar;
 - iii. Memberikan kefahaman dan menggalakkan menghafaz takrif / istilah;
 - iv. Mengajar secara masteri dan menunjuk ajar cara-cara untuk mengaplikasi tajuk-tajuk tertentu;
 - v. Memberikan contoh-contoh yang relevan dengan tajuk-tajuk yang diajar supaya mereka lebih memahami dan dapat membezakan antara satu sama lain;
 - vi. Memperbanyak aktiviti latihan dan sumbangan di kalangan murid;
 - vii. Memperkaya idea murid supaya wujud percambahan fikiran dan tidak Jumud; dan
 - viii. Berusaha menghabiskan sukatan pelajaran sehingga bulan Ogos.
4. Mengadakan bengkel teknik menjawab soalan lebih awal kepada pelajar.
5. Mendapatkan kemahiran membina item dan memeriksa kertas jawapan mengikut format terkini.
6. Memberikan pendedahan perbezaan bentuk Kertas 1223/1, calon mesti menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 3 **atau** soalan 1, soalan 2 dan soalan 4. Manakala Kertas 1223/2 calon mesti menjawab semua soalan iaitu 5 soalan.
7. Banyakkan latihan tubi serta mencari jawapan soalan-soalan lepas terutamanya soalan 1 (bahagian Akidah) dan soalan 2 (bahagian Ibadah).
8. Menunjukkan cara dan teknik menjawab yang betul, tepat dan padat.
9. Melatih calon memberikan jawapan lebih daripada satu isi kecuali soalan berkaitan hukum dan alasan.
10. Melatih calon mencari dan memahami kata kunci soalan.
11. Sediakan senarai semak bagi semua tajuk untuk memudahkan mengulangkaji.